

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**SOALAN NO. 314**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada permohonan oleh Majlis Perbandaran Manjung, Perak untuk peruntukan sebanyak RM11,400,000 bagi maksud pembangunan “Laluan Kebudayaan Kampung Koh” melalui surat Majlis Perbandaran Manjung bertarikh 12 Mac 2019 telah diluluskan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada melaksanakan projek berskala kecil (Projek BP.1) di bawah peruntukan projek pembangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek-projek ini meliputi 3 skop utama iaitu infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi.
2. Walau bagaimanapun, Permohonan projek Laluan Kebudayaan Kampung Koh berjumlah RM11.4 juta adalah di luar skop Projek BP.1 dan KPKT telah memanjangkan permohonan tersebut untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada 4 Julai 2019. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM**  
**[ BERUAS ]**

**SOALAN NO. 314**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis-jenis cukai yang dikecualikan dan juga senarai barangan yang dikecualikan cukai apabila status pulau bebas cukai dilaksanakan bagi Pulau Pangkor di Perak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan perundangan berhubung pelaksanaan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai (PBC) yang dilaksanakan melalui Rang Undang-Undang (RUU) Kastam 1967, Eksais 1976 dan Zon Bebas 1990 telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kesemua RUU tersebut akan diwartakan selepas mendapat Perkenan Diraja oleh Yang DiPertuan Agong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan bebas cukai di Pulau Pangkor boleh dinikmati ke atas semua produk termasuk rokok dan minuman keras kecuali petroleum dan semua jenis kenderaan bermotor. Kemudahan bebas cukai seumpamanya juga turut dinikmati di PBC Pulau Tioman.